

04/04/2002

Syarikat rakaman diminta kemuka kos sebenar CD

KUALA LUMPUR, Rabu - Syarikat rakaman sekali lagi diminta bekerjasama dengan kerajaan memerangi kegiatan cetak rompak dengan mengemukakan purata kos sebenar bagi penghasilan satu unit cakera padat (CD) dan video cakera padat (VCD).

Ketua Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna, Abdullah Nawawi Mohamad, berkata langkah itu penting dalam usaha memerangi kegiatan cetak rompak dan menyelamatkan industri muzik negara tanpa mengabaikan kepentingan pengguna.

Beliau berkata, pihaknya terpaksa meminta kerjasama syarikat rakaman sekali lagi kerana maklumat yang diberikan industri terbabit sebelum ini kurang lengkap.

"Kos yang dikemukakan syarikat rakaman sebelum ini terlalu umum. Oleh itu, sukar untuk kita pastikan sama ada harga jualan yang ditetapkan syarikat rakaman ini munasabah atau terlalu tinggi.

"Bagaimanapun, kita mengharapkan semua pihak terbabit, baik pencipta lagu, penulis lirik dan menyanyi sendiri sanggup berkorban dan mengurangkan harga ini bagi kepentingan semua pihak.

"Apa yang penting, langkah ini dipercayai dapat mematahkan kegiatan cetak rompak, yang didakwa punca utama kemerosotan industri muzik negara," katanya kepada Berita Harian.

Sebelum ini, kerajaan menerusi pasukan petugas khas bagi memerangi kegiatan cetak rompak meminta syarikat rakaman mengemukakan pecahan kos bagi pengeluaran setiap CD dan VCD, merangkumi bayaran royalti kepada artis, cukai, perbelanjaan promosi dan pengiklanan.

Langkah itu bertujuan memastikan harga jualan antara RM39.90 dan RM42 yang ditetapkan bagi setiap cakera padat itu benar-benar munasabah dan berpadanan dengan kos pengeluaran.

Masalah cetak rompak yang menyelubungi industri muzik tempatan turut mendapat perhatian Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad apabila penyanyi popular, Siti Nurhaliza Taruddin merayu Dr Mahathir untuk campur tangan dan menangani masalah berkenaan.

(END)